

Tindakan Dr M boleh jejas sektor niaga

BIT - 9/6/2006

KUALA LUMPUR: Isu kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi boleh memberi tekanan kepada sektor perniagaan negara dan kenyataan itu diharap tidak menggugat kestabilan politik negara.

Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Datuk Dr Munir Majid, berkata sepatutnya tidak wujud keadaan yang boleh mengganggu sebarang keputusan dalam sektor perniagaan, selain sektor awam.

"Kritikan keras bekas Perdana Menteri itu boleh menimbulkan perpecahan dan memberi kesan serius terhadap kestabilan," katanya di sini, semalam.

Munir berkata, rakyat dalam negara demokrasi dapat melihat dengan jelas kepemimpinan Abdullah hasil dorongan politik menerusi mandat besar yang diperolehi pada pilihan raya umum 2004.

Beliau berkata, peralihan kuasa antara kedua-dua pemimpin berkenaan dan disusuli kemenangan besar pada pilihan raya itu sesuatu yang penting untuk politik negara.

Presiden Dewan Perniagaan dan Industri India, P Maguntha, menganggap kenyataan Dr Mahathir boleh memberi kesan terhadap sektor perniagaan.

"Kenyataan Dr Mahathir boleh menye-

babkan pelabur asing 'lari' kerana bimbang akan berlaku keadaan tidak stabil dalam negara.

"Banyak pembetulan yang dilakukan selepas peralihan kuasa ini dan peluang perlu diberikan kepada kepemimpinan baru negara," katanya.

Beliau berkata, perubahan yang dibawa Abdullah akan membawa kebaikan. Bagaimanapun, semua pihak perlu bersabar kerana sesuatu yang baik memang mengambil masa agak lama untuk menampakkan hasil.

Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur (DPMML), Datuk Syed Amin Al Jeffri, berkata beliau yakin dengan pentadbiran Abdullah yang juga kesinambungan kepada kepemimpinan Dr Mahathir.

"Kami percaya semua dasar ekonomi yang membolehkan ahli perniagaan yang termaklup dan dijanjikan tidak akan diubah, malah dari segi ketidakstabilan kerajaan pula tidak seharusnya dipertikaikan," katanya.

Berikutan itu, katanya, tanggungjawab semua pihak untuk mewujudkan pembangunan ekonomi selain berwaspada jika ada unsur yang boleh mengganggu gugat kestabilan politik negara.

Presiden Persatuan Pedagang dan Penguasa Melayu Malaysia (Perdasama), Datuk

Moehamed Izat Emir merayu Dr Mahathir berbincang dengan Abdullah tanpa kehadiran pihak lain bagi menyelesaikan yang terdapat antara mereka.

"Masalah ini perlu diselesaikan kerana apa yang penting ialah isu orang Melayu kerana kedudukan ekonomi mereka jauh daripada apa yang kerajaan harapkan. Ini lebih penting daripada masalah peribadi," katanya.

Oleh Anwar Hussin dan Norfatimah Ahmad